



PERATURAN SKUASY (SIRKIT)

1. Undang-undang Permainan

Permainan ini dijalankan mengikut Undang-undang Skuasy Antarabangsa (ISRF)

2. Peraturan Pertandingan

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Pertandingan Sukan Teras Majlis Sukan Universiti Malaysia (STM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

3. Jenis Pertandingan

Kejohanan Individu Antara Universiti-universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM.

4. Pendaftaran Pemain

4.1 Lelaki - Tiap-tiap universiti dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 3 orang pemain sahaja.

4.2 Wanita - Tiap-tiap Universiti dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 3 orang pemain sahaja.

4.3 Borang pendaftaran hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola mengikut turutan (ranking) dalam universiti masing-masing sebelum pertandingan dimulakan

5. Sistem Pertandingan

5.1 Sistem pertandingan untuk Sukan MASUM akan dijalankan secara sistem ranking seperti yang diguna pakai oleh SRAM.

- i. Sirkuit pertama akan menggunakan 'Draw 64'
- ii. Grandfinal akan disertai 16 yang terbaik

5.2 Tiap-tiap perlawanan akan diputuskan oleh 3 set yang terbaik dengan kiraan "American scoring" 11 mata setiap set.

6. Bola Perlawanan

Bola yang dibenarkan sepanjang pertandingan adalah bola jenis Dunlop Yellow XX atau setaraf dengannya dan akan disediakan oleh pihak pengelola.

7. Pakaian

Sila rujuk Peraturan Am (8.0) MASUM.

8. Rayuan/Bantahan

Sila rujuk Undang-undang Antarabangsa dan Peraturan Am (14.0)

9. Juri Rayuan

Sila rujuk Peraturan Am (16.0)

10. Hadiah

Hadiah Sukan MASUM akan disediakan oleh MASUM untuk setiap Sirkuit 1, Sirkuit 2 dan Grand Final:

Johan
Naib Johan
Tempat Ke-3
Tempat Ke-4

11. Perkara yang tidak dinyatakan

Sila rujuk Peraturan Am (22.0) MASUM